

China iktiraf 71 IPT tempatan

PUTRAJAYA 17 Jan. - Sebanyak 71 buah institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pelajaran China pada Selasa lalu.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Hou Kok Chong berkata, kesemua IPT berkenaan melibatkan 20 universiti awam, 26 universiti swasta dan selebihnya kolej universiti.

Beliau berkata, berikutan pengiktirafan itu kementerian menjangkakan berlaku peningkatan sehingga 50 peratus terhadap jumlah kemasukan pelajar China di IPT tempatan.

“Sehingga kini, terdapat kira-kira 10,000 pelajar dari China menyambung pengajian dalam pelbagai bidang di negara ini.

“Mereka sebelum ini menghadapi masalah memilih Malaysia kerana khuatir kerajaan China tidak mengiktiraf IPT di negara ini,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Antara IPT yang diiktiraf ialah Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Malaya (UM);

Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Senarai IPT berkenaan boleh disemak menerusi laman web Kementerian Pelajaran China di www.moe.edu.cn/publicfiles/business/htmlfiles/moe/moe_857/201301/146812.html.

Kok Chong berkata, Malaysia dan China telah menandatangani Perjanjian Pengiktirafan Seiring (MRA) dalam bidang pengajian tinggi pada 28 April 2011 berhubung pengiktirafan IPT antara kedua-dua belah pihak.

“Pada Julai tahun lalu, kementerian mengiktiraf 820 IPT yang telah diperakukan oleh Kementerian Pelajaran China selaras dengan peruntukan MRA itu,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, IPT yang tersenarai perlu memastikan menawarkan program pengajian berkualiti, suasana pengajaran dan pembelajaran kondusif serta kemudahan terbaik kepada penuntut.